

Headline	Guna elektrik raih undi politik		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	08 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	459,793	Readership	1,854,000
Section	Dlm Negeri	Page No	10
ArticleSize	621 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 41,735		



Guna elektrik raih undi politik

LUIS Swarez adalah bapa kepada tiga anak. Yang pertama namanya Kenzo, yang tengah Ngah dan ketiga, Jenwai. Minggu lepas, Swarez mendapat bonus RM2,000 dari majikannya kerana kecemerlangan tugasnya di pekan Norich. RM1,000 diberi kepada isteri. RM1,000 lagi niat diberi kepada ketiga-tiga anaknya.

Dengan RM1,000 apakah anda fikir Swarez akan membahagi sama rata iaitu RM330.33 seorang? Kan itu sewajarnya? Tetapi tidak. Swarez hanya memberi RM200 seorang.

Anak pertama Kenzo sebagai yang sulung, menerima dengan diam. Yang kedua, Ngah memprotes. Maklumlah anak kedua, memang selalu rasa dikedepikan mak bapa untuk beri laluan kepada sulung dan adik bongsu. Yang ketiga, Jenwai pula tidaklah ada pendirian sangat. Duit ambil tapi ikut mana abangnya yang boleh perjuangkan haknya.

Bila Ngah memprotes, perlahan-lahan Jenwai memberi sokongan. Itu pun tidaklah memprotes depan bapa, sekadar memberi sokongan secara dalam maya.

"Bapa tidak adil. Bapa kata ada RM1,000 nak beri kepada kami. Patut RM330.33 seorang. Kenapa kami dapat RM200 seorang? Kalau ayah nak pakai RM400, patut umum RM600 sahaja untuk kami. Bukan RM1,000," kata Ngah.

Jenwai seperti kelaziman, depan bapa dan abangnya, tidak keluar suara. Sebaliknya dalam Twitter dan Facebook, hampir 15 posting diutusnya dalam tempoh 10 minit. Semua benda merungut. Ikut sahaja hujah-hujah dan kemarahan Ngah "*@jenwai bapa tidak adil. Mana RM400 lagi? Duit anak-anak digelapkan*".

Sebagai petugas cemerlang, Swarez berhati-hati melayan karenah anaknya terutama Ngah. Pertama kali diprotes, Swarez memilih untuk tidak menjawab. Bagi peluang Ngah bertenang dan

dirinya sendiri bertenang. Lagi pun, semasa Ngah tengah marah, apa pun Swarez perelaskan, tidak akan diterima. Tunggu sehari lagi.

Dalam tempoh ini, Jenwai yang cenderung kepada Ngah berterusan menggunakan Twitter untuk

melepaskan geram. "*@jenwai Tak tahukah semua barang mahal? Ada dana tetapi kena potong juga. Nak top-up Internet ni pun mahal. Ini tidak adil.*"

Kegiatan subversif Ngah dan Jenwai itu tidak disenangi Kenzo. Sebagai abang sulung, dia menegur mereka berdua kerana walaupun wujud kebenaran daripada segi isu tetapi mereka berdua sudah menghampiri sempadan 'derhaka'.

Teguran Kenzo itu mengakibatkan dia pula jadi sasaran Ngah dan Jenwai. Hanya beberapa hari kemudian baharulah Swarez menyedari ketiga-tiga anaknya sudah berkelahi besar kerana sekadar menerima RM200.

Pada malam Jumaat, Swarez memanggil kesemua mereka ke ruang

tamu. Dengan nada lembut, Swarez berkata "Ayah tahu kamu marah. Mungkin salah ayah buat pengumuman ada dana RM1,000 untuk kamu semua. Tetapi niat ayah tidak berubah. Memang RM1,000 khas untuk kamu.

"Cuma yang kamu marah ialah ayah tidak beri kesemuanya. Ayah ada RM1,000. Ayah buat keputusan beri wang tunai RM200 seorang. Mana pergi baki RM400? Ia tetap milik kamu. RM400 itu ayah simpan untuk masa depan kamu," kata Swarez.

Untuk memuaskan hati dan nafsu semua anaknya, Swarez boleh mengambil jalan mudah dengan memberi sahaja duit tersebut, tetapi dia tahu wujud keperluan untuk menyimpan bagi masa hadapan.

Malahnya terlalu ramai daripada kita yang bersikap sama seperti Ngah dan Jenwai. Ngah tidak peduli rasional di sebalik keputusan bapanya, walau bagaimana bijaksana tindakan itu akhirnya nanti. Ngah lebih pentingkan 'aku, aku dan aku'.

Jenwai meskipun tidak seradikal Ngah, sebenarnya lebih mudarat kerana begitu mudah terikut-ikut dan tanpa usul periksa menuntut bapanya di alam maya. Sepatutnya Jenwai memeriksa terlebih dahulu, kaji sedalam-dalamnya perkara tersebut, bukan mengikut membuta-tuli abangnya memprotes. Setelah bapanya membuat penjelasan, kerosakan sudah berlaku ke atas reputasi bapanya di alam maya, yang diakui medium yang paling berpengaruh hari ini.

Lihat isu kenaikan tarif untuk

Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang jadi kritikan besar sekarang. Seperti mereka, kita tidak menyokong apa-apa pun langkah menaikkan harga barangan atau perkhidmatan, apatah lagi tarif elektrik baharu ini tentunya ada pihak tidak bertanggungjawab akan mengambil kesempatan menaikkan harga barangan.

Tetapi di sebalik itu, tidak bermakna kita harus menyetepikan sama sekali fakta. Perlukah kita menghina kebijaksanaan kita sendiri untuk menidakkan fakta-fakta sebenar. Antara isu utama yang dibahas oleh ahli politik ialah 'TNB tidak wajar menaikkan tarif elektrik ketika syarikat utiliti tersebut mencatat keuntungan berbilion ringgit'.

Fakta sebenar ialah:

- TNB membelanjakan sekurang-kurangnya RM6 bilion untuk prasarana baharu, penyenggaraan dan perbelanjaan modal (capex) setiap tahun bagi memastikan bekalan tenaga tanpa gangguan.

- Pelaburan itu lebih tinggi berbanding keuntungan RM4.6 bilion yang dicatat bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2013.

- TNB akan membayar RM15.20 mmmBTU untuk kos gas kepada Petronas, berbanding RM13.70 mmmBTU sekarang.

- Sebagai kumpulan syarikat berasaskan aset bernilai RM99 bilion, keuntungan RM4.6 bilion secara relatifnya kecil berbanding konglomerat lain, yang mencatat keuntungan tidak kurang separuh daripada nilai aset mereka.

- Cadangan kenaikan tarif elektrik itu bukan dibuat oleh TNB tetapi MyPower Corporation iaitu agensi di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Agensi itu ditubuhkan pada 2011 dengan mandat mengemukakan cadangan untuk menstruktur semula sektor tenaga negara.

- Kenaikan tarif elektrik itu adalah kesan daripada penyelarasan subsidi kerajaan yang menyebabkan subsidi gas ditarik balik dan harga gas asli cecair diletakkan pada harga pasaran.

- Satu-satunya cara untuk mendapat pampasan ekoran penghapusan subsidi itu ialah dengan menaikkan tarif elektrik seperti yang dicadangkan oleh MyPower.

- Peningkatan tarif itu tidak menyumbang apa-apa keuntungan kepada TNB. Daripada kenaikan 4.99 sen itu, 3.92 sen pergi kepada Petronas

Headline	Guna elektrik raih undi politik		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	08 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	459,793	Readership	1,854,000
Section	Dlm Negeri	Page No	10
ArticleSize	621 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 41,735		

dan 17 sen untuk kos arang batu manakala 90 sen akan pergi kepada TNB untuk perbelanjaan modal dan operasi bagi menaik taraf sistem untuk empat tahun akan datang.

Fakta terakhir itu mungkin sukar diterima oleh ramai pihak. Saya pun. Tetapi seorang ahli ekonomi memberi analogi Swarez dan tiga anaknya. Maklumlah dengan pendingin hawa di rumah, nescaya bil elektrik melambung Januari ini, tentunya hujah menggunakan fakta rasa payah hendak ditelan.

Kita marah bila orang suruh jangan pakai pendingin hawa sebab bagi kita, alat itu maha penting bagi menjamin kesejahteraan hidup. Nak hidup selesa,

tapi caj elektrik nak murah. Itu cara kita berfikir.

Mungkin menggunakan analogi di atas, lebih senang difahami. Seperti Swarez, TNB baharu sahaja mencatat pulangan keuntungan besar. Tetapi duit itu diguna kos operasi seperti penyenggaraan dan pembinaan pencawang baharu, misalnya.

Analogi itu mudah difahami bagi orang yang terbuka fikiran dan bukan bermotifkan matlamat meraih populariti politik. Saya tidak setuju tarif elektrik naik tetapi saya pun tidak setuju fakta sebenar kenaikan itu diputar belit.

“Perlukah kita menghina kebijaksanaan kita sendiri untuk menidakkan fakta-fakta sebenar. Antara isu utama yang

dibahas oleh ahli politik ialah ‘TNB tidak wajar menaikkan tarif elektrik ketika syarikat utiliti tersebut mencatat keuntungan berbilion ringgit’.

